

16/08/2001

Kembara Puisi UiTM tampil bakat terpendam

Salbiah Ani

KEMBARA Puisi IPT 2001 di Medan Menara, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Sabtu lalu, menampilkan ramai bakat terpendam dalam deklamasi puisi, syair dan dikir barat.

Pasti pelajar UiTM tidak menduga, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM, Prof Datuk Dr Adnan Alias, berbakat besar dalam penulisan dan deklamasi puisi yang dibuktikan melalui puisinya Antara Pekan Rabu dan Dongdaemun.

...Kalau Putera berhak dan bumi haknya
sedang keusahawanan jauh berjarak
apakah tidak termampu suatu hari
Bumiputera kan jadi
Putera tak berbumi
Antara Munsyi dan Mahathir
Penuh Kata-kata Getir
Menyambai bagai petir...

Khalayak kembara puisi kali ini turut berpeluang mendengar syair apabila Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin dan Amin Fahmi Mohd Fahmi, masing-masing membawa Mentari Wira dan Anak Dagang.

Grup Apresiasi Seni (Gas) beraksi dengan dram, rebana ubi dan gendang, ketika menyampaikan Ambisi Oh Anakku manakala Solihin Osman bersama kumpulan penyair dari Gunung Iko mendeklamasikan Untukmu UiTM, Bicara Pasca Merdeka, Dalam Ruang Yang Merdeka dan Melayu.

Fakulti Seni Persembahan pula menyampaikan dikir barat dengan penuh semangat dan tukang karutnya sempat mengusik Fauziah Nawi yang duduk di barisan depan bersama beberapa orang kanan UiTM.

Tidak ketinggalan, Prof Madya Dr Mohd Najib Md Nor, yang terkenal dalam bidang fesyen, turut berdikir barat bersama kumpulan itu dengan puisi, Mantera Seorang Guru.

UiTM adalah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang paling bertuah untuk acara kembara puisi kerana persembahan mereka turut dirakamkan sebuah syarikat penerbitan drama swasta.

Syarikat itu dalam proses menyiapkan drama swasta berkisar kepada kehidupan penyair dijayakan oleh Pyanhabib yang turut menyampaikan puisi Bapaku Seorang YB.

Kembara Puisi IPT 2001 bertema Suara Nurani Jati Diri Bangsa anjuran Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum), Badan Seni dan Budaya HEP UiTM dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, turut mendapat liputan daripada RTM.

Penggiat teater, drama dan filem, Fauziah Nawi menggamatkan majlis dengan puisi sinis Sasterawan Negara, Datuk Dr Usman Awang, berjudul Ibuku yang disampaikan secara deklamasi dan lagu pada bait-yang sesuai dilagukan, antaranya berbunyi:

...Siakap senohong gelama ikan duri
bercakap bohong tak boleh jadi menteri...

Versi asal puisi Tongkat Warrant itu 'bercakap bohong lama-lama jadi menteri' meskipun diubah tetap menyebabkan sesetengah khalayak tersenyum sumbing seakan-akan mengerti tindakan Fauziah.

Penyair veteran, Ahmad Sarju, yang bertawaf berkali-kali mencari lokasi acara yang berubah tempat dari Auditorium Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka ke Medan Menara, mendeklamasikan Masih Ada dan Kita.

Zurinah Hassan yang mengambil tempat selepas penyair bersuara lantang Marsli NO, memulakan bicaranya dengan kata: "Selepas bumi hampir bergegar, eloklah kita meredakan suasana dengan nazam berendoi."

Penyair itu yang pada mulanya merancang mengadakan persembahan dengan pakej 3+1 pada malam itu, menukarkannya kepada nazam berendoi, satu bentuk nyanyian ibu Melayu zaman dulu ketika menidurkan anak.

Ketua Unit Pembangunan Sastera dan Budaya BHSB, Wan Omar Wan Ahamed, sempat membuat ulasan dan nampak berpuas hati dengan persembahan penyair itu kali ini, berbanding ketika menjayakan kembara puisi di Universiti Malaya Februari lalu.

Seperti biasa, Marsli tetap bertenaga meskipun menyampaikan dua puisinya, Mencintaimu Aduhai Negeriku dan Mari Membaca Sandiwara, pada ketinggian suara maksimum dan khalayak terus memberi sokongan.

...Betapa mencintaimu, aduhai negeriku
aku tahu ini bukan lagi waktu
untuk segala mimpi atau jutaan cumbu
yang disunglap dengan ribuan kata-kata besar
kerana bangsa besar lagi merdeka
tidak hanya jiwa dan beraninya
disuburkan dengan mimpi, nyanyi atau kata-kata
sedang di luar menanti segala ular...

Marsli juga nampaknya diminati Timbalan Pendaftar (HEP), Mazlan Salleh, yang memilih mendeklamasikan puisi penyair itu, Negeriku Anak, sambil meminta izin daripada penulisnya.

Pemaju hartanah yang juga penyair, Dr Ibrahim Ghafar, lengkap bersamping, bertengkolok dan berkeris gaya seorang pendekar, mendeklamasikan puisinya Sumpah Pendekar.

...Bumi warisan ini
Tanah tumpah darah kita
masih menuntut semangat yang belum tertunai
pribumi bukan sekadar gelaran tanpa makna
kita adalah anak watan
darah yang mengalir di tubuh kita
semerah darah Si Jebat
yang tumpah di bumi Melaka...

Nampaknya Kembara Puisi IPT 2001 di UiTM menjadi gelanggang ujian untuk Kumpulan Koprata yang menggunakan muzik minus-one sebagai iringan lagu pilihan mereka.

Muzik iringan yang diperlukan untuk dua lagu pertama, Kami Orang Melayu dan Nusantara, bukan saja memaksa Sani Sudin tetapi juga Syed Indera Syed Omar (Siso) kemudiannya untuk memeriksa sendiri cakera padat mereka.

Meskipun nyata Koprata tidak begitu menyenangkan dengan keadaan yang berlaku itu tetapi mereka bertindak profesional dengan mengawal emosi dan keadaan selain mengisi masa terluang itu dengan jenaka spontan.

Masalah serupa yang berlaku untuk lagu ketiga mereka, Berkolek Bersajak, puisi karya penyair istimewa, JM Aziz, memaksa Siso meminta supaya giliran mereka ditukarkan dengan penyair lain bagi meredakan keadaan.

Nyata langkah itu tepat kerana sebaik mereka muncul untuk persembahan Berkolek Bersajak selepas itu, muzik iringan menepati kehendak Koprata dan mereka menyanyi dengan penuh perasaan berserta wajah ceria.

Penyair yang mencipta melalui puisi berunsur Islam, Rahimidin Zahari, membawa kelainan apabila muncul di pentas dengan Mantera Buka Panggung, upacara wajib dalam persembahan wayang kulit.

Penulis yang kali pertama melihat Rahimidin beraksi dengan mantera, kini faham mengapa penggiat teater tradisional Kelantan, yang juga anak didik Tuk Dalang Dollah Baju Merah itu, bimbang akan nasib masa depan wayang kulit.

Meremang roma apabila mendengar mahasiswa Fakulti Pentadbiran Undang-Undang, Nik Sayyidah Fatiha Yazid, mendeklamasikan Anak Warisan Merdeka penuh semangat dengan iringan muzik rebab.

...Siapa lagikah yang akan bercakap
tentang protektor dan koloni
tentang Harold McMichel
tentang memorandum Malayan Union
dan tentang segala detik kritikal
yang pernah meluapkan darah perjuangan Melayu
yang hampir menitis seperti tertitisnya darah Bahaman
dan darah Tok Janggut yang basah di persada bangsa...

Rebab sebagai alat muzik klasik berjaya memberi kesan terbaik kepada puisi yang mengimbas perjuangan pejuang Melayu silam dalam usaha memerdekakan Tanah Melayu daripada penjajah Inggeris.

Nik Sayyidah yang bertemu penulis selepas mendeklamasikan puisi itu berkata: "Puas saya kerana dapat mendeklamasikan puisi dengan iringan muzik rebab. Saya balik ke Kelantan untuk mencari kasetnya. Tambah bersemangat saya apabila Rahimidin membaca Mantera Buka Panggung untuk wayang kulit."

Persembahan cemerlang pelajar Matrikulasi Pentadbiran Undang-Undang, Faruzan Abd Majid, yang menyampaikan Tidak Kuingin dan Yang Kuingin serta Mutiara Cinta Buat Pertiwi, dipuji pegawai di Bahagian HEP, Samdin, yang memuji mutu suara pelajarnya.

Selepas UiTM menjadi tuan rumah kali kelapan, Kembara Puisi IPT 2001 kali kesembilan dijadual menemui khalayak IPTA di Universiti Multi Media pada akhir September ini.

(END)